

22 MAY 2003

Syed Hamid-Dasar/I

DASAR LUAR DIUBAHSUAI SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA

PUTRAJAYA, 22 Mei (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan dasar luar sekarang tetapi fleksibel kepada keperluan membuat pengubahsuaian berdasarkan kepada perkembangan global, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata dasar luar negara berpandukan prinsip asas tertentu yang perlu diikuti namun fleksibel terhadap perkembangan dan situasi dunia yang berubah.

"Kita akan membuat perubahan-perubahan yang perlu berdasarkan kepada kepentingan kebangsaan dan strategik, berpandukan kepada prinsip-prinsip itu.

"Pada masa yang sama, kita tidak mahu terikat hingga sukar membuat keputusan yang akan menggambarkan kepentingan jangka panjang kita yang menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan anjuran Persatuan Bekas Duta-duta Besar Malaysia (AFMA) di sini hari ini.

Syed Hamid berkata demikian apabila ditanya jika Malaysia perlu membuat pembaharuan terhadap dasar luarnya.

Syed Hamid berkata kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa penggantinya akan meneruskan dasar luar sekarang jelas menandakan ia akan diteruskan walaupun berlaku perubahan pimpinan.

"Tetapi pendekatannya (dasar luar) akan berubah bergantung kepada situasi dan keadaan," katanya.

Ditanya jika dasar luar terhadap Amerika Syarikat akan diubah, beliau berkata Malaysia tidak membuat dasar mengikut perasaan dan tidak pernah anti mana-mana negara termasuk AS.

Katanya, pendirian Malaysia tidak menyokong pencerobohan ke atas Iraq oleh AS dan sekutunya perlu dilihat sebagai pegangan terhadap prinsip yang berlandaskan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan bukannya kerana Malaysia anti AS.

Mengenai "ganjaran dan hukuman" oleh AS terhadap penyokong dan penentang tindakannya ke atas Iraq, Syed Hamid berkata Malaysia melihat sesetengah tindakan yang diambil seolah-olah tindakan untuk menghukum.

"Ini andaian yang kita buat berdasarkan beberapa insiden. Kita mungkin salah tetapi anda tidak boleh membuat keputusan membabitkan kedudukan dasar dengan hanya bersandar kepada satu insiden. Faktor-faktor lain juga perlu dilihat," katanya.

Sementara itu, presiden AFMA Tan Sri Abdul Halim Ali berkata persatuan 70 anggota itu akan terus memberi input kepada kementerian itu mengenai dasar luar.

"Kami sentiasa berbincang sesama kami mengenai dasar luar dan memberikan maklum balas kepada kementerian. Sudah semestinya, dari masa ke semasa dasar luar kita perlu dikaji dan diperbaharui," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH MOZ